



PINDAAN ARAHAN PEGAWAI PENGAWAL BILANGAN 1 TAHUN 2014

2.1.2 Semua Ketua Program / Aktiviti **DIWAJIBKAN** memastikan perbelanjaan berhemat dan langkah-langkah penjimatan dilaksanakan seperti berikut:

(xxi) Tuntutan Perjalanan Rasmi Pegawai Awam yang melibatkan pembayaran menggunakan Kad Touch 'N Go.

- a) Mulai 1 November 2018, semua tuntutan perjalanan pegawai awam yang melibatkan penggunaan kad Touch 'N Go (tol, tempat letak kereta dan lain-lain bayaran yang dibenarkan) mestilah disertakan **penyata kad Touch 'N Go** semasa mengemukakan tuntutan perjalanan;
- b) Penyata kad Touch 'N Go boleh didapati secara dalam talian di laman sesawang rasmi Touch 'N Go – www.touchngo.com.my; dan
- c) **Pembayaran tuntutan perjalanan yang melibatkan penggunaan kad Touch 'N Go tidak akan diproses** sekiranya pegawai tidak menyertakan salinan penyata kad Touch 'N Go yang disahkan atas urusan rasmi.

Pindaan APP KPKT Bil. 1/2014 ini perlu dibaca bersekali dengan Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling, APP KPKT Bil. 1/2014 dan Surat Arahan Perbendaharaan yang berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

(DATO' SRI HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK)
Ketua Setiausaha selaku Pegawai Pengawal
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tarikh : 14/10/2018